

02 NOV 1999

Mahathir-Dewan

WAKIL DUA PERTUBUHAN CINA KUNJUNGI PERDANA MENTERI

PUTRAJAYA, 2 Nov (Bernama) -- Wakil-wakil daripada dua organisasi terbesar masyarakat Cina dalam bidang ekonomi dan sosial hari ini bertemu dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di sini untuk menyatakan sokongan padu kepada kerajaan dan kepimpinan Perdana Menteri.

Wakil-wakil itu daripada Gabungan Dewan-dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM) dan Gabungan Persatuan-persatuan Cina Malaysia (FCAM) juga menyatakan hasrat mereka untuk terus bekerjasama dengan pucuk pimpinan negara bagi mencapai kestabilan, keamanan dan kemajuan serta memenuhi aspirasi Wawasan 2020.

"Pada ketika ini amatlah perlu pemimpin tertinggi ACCCIM dan FCAM iaitu dua pertubuhan utama yang mewakili organisasi sosial dan ekonomi masyarakat Cina secara terus-terang dan terbuka menegaskan pendirian dan sokongan mereka kepada Perdana Menteri dan kerajaan di bawah pimpinannya," menurut kenyataan ringkas yang dikeluarkan selepas perjumpaan itu.

Rombongan 30 orang wakil itu diketuai oleh Presiden ACCCIM Datuk Lim Guan Teik serta Presiden FCAM Datuk Chong Chin Shoong dan mereka juga mengambil kesempatan untuk melawat dan meninjau kawasan Putrajaya.

Menurut kenyataan itu lagi, sokongan itu penting khasnya kerana pada hujung abad ke-20 ini, Malaysia menghadapi pelbagai tekanan daripada luar terutama sekali berikutan tercetusnya kegawatan ekonomi di rantau Asia pada 1997.

Kedua-dua pertubuhan juga menyatakan sokongan penuh terhadap segala tindakan dan langkah yang diambil kerajaan pimpinan Dr Mahathir dalam usaha menangani dan menghadapi cabaran ekonomi serta menentang segala bentuk ancaman terhadap keutuhan dan kedaulatan negara.

-- BERNAMA

HS PR